

Headline **Profesion kejururawatan berkembang seiring peredaran masa**
Date **15 May 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **27**
Article Size **289 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **3,941**
PRValue **11,823**



Profesion kejururawatan berkembang seiring peredaran masa

PADA zaman kanak-kanak, kami pantang melihat wanita bergaun putih membawa kotak besi. Nampak saja kelibat mereka, kami pasti bertempiran, bagaikan tidak cukup tanah dibuatnya. "Lari, lari. Misi (jururawat) datang, nanti kena cucuk." (Misi mengikut Kamus Dewan Edisi Empat adalah panggilan umum bagi jururawat).

Ketika belum bersekolah pada zaman 1960-an, kanak-kanak seperti saya begitu takut dengan jururawat. Ibu bapa kerap menggunakan taktik menakutkan anak nakal dan degil dengan jarum suntikan jururawat. Kalau tidak mahu pakai seluar, digertak akan memanggil misi untuk mencucuk punggungnya. Begitu juga jika enggan makan ubat, dikatakan akan dicucuk dengan jururawat. Takut kena cucuk, terpaksa makan ubat walaupun pahit. Taktik itu tidak lut lagi untuk anak zaman ini. Dengan perkembangan pesat bidang kesihatan negara, kita banyak didedahkan dengan kerjaya kejururawatan sejak kecil lagi. Jururawat kini, menjadi teman sewaktu sakit, dalam rawatan dan pemeriksaan kesihatan.

Dalam tempoh tiga tahun keluar masuk hospital, khususnya di Wad Dermatologi Hospital Kuala Lumpur (HKL), saya dapat merasakan betapa mencabarnya tugas jururawat. Jika sewaktu kecil, yang saya tahu jururawat memberi suntikan dan ubat, tetapi sebenarnya ia lebih daripada itu. Jururawat adalah profesion mulia, yang memerlukan kesabaran dan dedikasi tinggi. Mereka sentiasa mewujudkan sikap mementingkan kerja di atas kepentingan diri sendiri. Profesion ini banyak berkembang, daripada memberi *bed side nursing care* kepada kerja yang 'berteknikal tinggi'.

Jika dulu jururawat hanya mengambil arahan daripada doktor untuk mengambil tindakan mera-

wat pesakit, kini jururawat ada diagnosis kejururawatan sendiri. Dengan itu mereka boleh mengenal pasti masalah pesakit serta merancang keperluan dan kehendak pesakit mengikut keadaannya. Jururawat adalah tangan kanan dan kiri doktor.

Janganlah ingat kerja jururawat ini mudah. Tugas mereka sentiasa dibayangi risiko sama ada di dalam atau luar wad. Saya masih ingat melihat jururawat berjalan kaki, berbasikal atau bermotosikal ketika menjalankan tugas mereka di kampung. Di kawasan pedalaman ada yang terpaksa berperahu, bersampan atau menaiki bot untuk memberi perkhidmatan kepada orang ramai. Dalam wad pula mereka terdedah dengan pelbagai penyakit berjangkit dan berisiko tinggi seperti HIV dan H1N1. Pada saya tanggungjawab ini memerlukan pengorbanan tinggi.

Jururawat juga perlu mempunyai tahap kesabaran tinggi kerana mereka berhadapan dengan kerehnan pesakit yang pelbagai. Mereka sentiasa diingatkan supaya melayan pesakit dengan baik dan mesra serta profesional. Anggaphlah mereka sebagai ibu bapa atau keluarga sendiri yang datang meminta bantuan untuk merawat penyakit mereka.

Mereka juga diingatkan supaya sentiasa memberikan senyuman kerana ia terapi paling mujarab untuk meredakan sakit pesakit. Ingatlah wajah ceria mengubati, sebaliknya waja masam dan garang tidak akan menyatakan keprihatinan seorang jururawat. Pada saya prestasi kejururawatan adalah di tangan pengamalannya sendiri.

Dulu kerjaya ini, hanya milik wanita, tetapi kini semakin ramai lelaki yang berminat menjadi jururawat. Pada saya perkembangan ini baik kerana kadang-kadang kasi-

han melihat jururawat wanita yang terpaksa melakukan kerja berat seperti memapah pesakit, khususnya lelaki berbadan besar. Ada kalanya, dalam hal tertentu lelaki segan untuk meminta bantuan jururawat wanita.

Saya bertuah kerana selama tinggal di Wad Dermatologi HKL menerima layanan baik dan mesra daripada jururawat di sini. Hubungan kami bukan setakat pesakit dengan jururawat, malah lebih daripada itu. Mereka juga mengenali keluarga saya. Jika tidak masuk wad pun, kami saling berhubungan, walaupun sekadar bertanya khabar. Saya melihat betapa berdedikasi mereka menjalankan tugas walaupun ada kalanya terpaksa bertugas dengan giliran berganda.

Mereka bekerja sepanjang masa – di kala, ramai nyenyak tidur dibuai mimpi indah pada waktu malam, jururawat sibuk melaksanakan tugas. Baktinya diperlukan pada bila-bila masa, tidak kira sewaktu hari tidak bekerja atau sedang bercuti. Terima kasih warga jururawat Wad Dermatologi HKL kerana mampu memberikan perkhidmatan dan rawatan berkelas tinggi kepada pesakit.

Pada kesempatan ini saya mengucapkan Selamat Hari Jururawat yang disambut 12 Mei lalu kepada semua jururawat, khususnya di HKL. Pengorbanan mereka memang tidak boleh dinilai dengan wang ringgit, tetapi pengiktirafan dengan imbuhan lebih setimpal perlu untuk terus memotivasikan mereka dalam kerjaya ini.

